

29  
TAHUN

Kekal No. 1 Di Pasaran!

15 MAC 2013  
Bil: 638 RM5.00

# remaja



06

MAGIKA MUZIK  
HAFIZ & STACY

Audit Bureau  
of Circulations



**CINTA TANPA RESTU**  
MAMPUKAH MILIKI BAHAGIA?

GAYA  
TRIBAL  
CURI PERHATIAN

KUASA MILIKI  
KULIT REMAJA

GRAFITI  
EKSPRESI  
LAKARAN DINDING

KETAHUI  
PUNCA  
LELAKI  
PENDIAM

KUIZ CANTIK M/S: 52

UJI IQ  
PERIHAL  
KECANTIKAN!

29  
TAHUN

inspirasi remaja kini



# Hafiz



## Pandangan Hafiz terhadap Stacy?

Haha, saya rasa Stacy adalah seorang penyanyi yang sangat berbakat besar, kelakar, baik hati, *easy going* dan tidak sombong. Mungkin kerana kami dari bumbung yang sama, bahkan Stacy sering memberi tunjuk ajar dan nasihat agar saya tidak tersasar jauh dari industri. Saya tidak pernah menganggap beliau sebagai seorang pesaing, sebaliknya ia adalah satu yang positif di dalam industri. Ditambah pula kami dilihat sangat rapat seperti mempunyai ikatan persaudaraan.

## Hafiz telah dipilih sebagai penerima Anugerah Ikon Belia Sarawak, apa yang Hafiz telah lakukan selepas menerima pengiktirafan sedemikian?

Sebagai seorang yang lahir di negeri bertuah Sarawak, saya sangat berbesar hati apabila turut diiktiraf di negeri sendiri. Terpilih untuk menyandang Anugerah Ikon Belia Sarawak, Kategori Kebudayaan dan Kesenian, membuatkan saya lebih positif dan agresif dalam memperjuangkan seni muzik walau di mana jua saya berada. Pernah terlibat dengan teater yang diinspirasikan oleh Gagasan 1 Malaysia, di sini juga saya dapat menerapkan nilai cintakan tanah air buat semua remaja di luar sana.

## Bagaimana pula dengan rutin penjagaan suara?

Untuk mengekalkan ton suara pula, saya mengamalkan minum madu sebelum naik ke pentas nyanyian, manakala di rumah saya akan minum segelas air kosong setiap kali bangun daripada tidur. Cara ini dikatakan berkesan, kalau tidak masakan saya boleh menyanyi dengan baik. Haha...

## Teringin bergelar mentor?

Saya akui, jika Yuna punya anak didik sendiri iaitu Diandra, saya pula masih belum bersedia untuk memiliki anak buah sendiri atau menjadi mentor. Yelah, ilmu saya pun masih belum cukup untuk mengajar orang. Walau bagaimanapun saya tidak akan menolak sekiranya dipaksa untuk mengajar. Cukuplah sekadar yang termampu.



**APAHAL** rambut budak ni lain macam sekarang?




## Bitara Borneo

Gelak tawa mereka gamat menghiasi agenda sesi fotografi itu ini. Stacy yang hadir lebih awal, akur wajahnya bakal dirias rapi. Penantian petang pula melihat Hafiz terbit bersama karisma tersendiri. Menjadikan busana nan *funky* sebagai salinan penyeri, Ted Baker, Jeep, Larrie, Butik Twist dan Sincerely By Us dipilih bak pelengkap seni. Ikuti bingkisan dua bitara Borneo ini memberi ekspresi hebat demi menyinari halaman muzik yang mereka sanjungi. ☺



**SILA** pose macam dalam gambar ni ye...



Jaw saksikan ragam kandid Hafiz dan Stacy di samping momen belakang tabir pembikin muka depan mereka berdua di [remaja.karangkraf.com](http://remaja.karangkraf.com). Rugi tak tengok!